

BAB VII

Kesimpulan

Di Selatan Thailand terdapat 2 kawasan yang penduduk masyarakat Melayu menjadi penduduk majoriti iaitu kawasan bekas negeri Melayu Patani lama yang sekarang terbentuk menjadi wilayah Pattani, Narathiwat, Yala dan beberapa daerah yang terletak dalam wilayah Singgora. Satu kawasan lagi ialah kawasan bekas jajahan negeri Kedah yang sekarang terbentuk menjadi wilayah Setul dan daerah Sadao wilayah Songkhla. Walaupun penduduk masyarakat Melayu di kedua-dua kawasan tersebut menjadi penduduk majoriti, tetapi mereka menjadi penduduk minoriti di Thailand secara keseluruhan. Kerana penduduk Melayu mempunyai latarbelakang sejarah, adat resam, budaya, bahasa dan agama yang berlainan dari penduduk keturunan Thai yang menjadi penduduk majoriti di Thailand.

Pihak kerajaan Thailand telah menjalankan dasar Siamisasi terhadap penduduk Melayu untuk mengurangkan jarak perbezaan di antara kedua-dua penduduk tersebut. Dasar Siamisasi ini dijalankan secara langsung dan tidak langsung. Walaupun kerajaan Thailand belum berjaya secara menyeluruh terhadap dasar Siamisasi ini, tetapi berlaku perubahan secara tolak-ansur dari dasar Siamisasi sehingga terdapat beberapa kesan perubahan dari segi sosio-budaya Melayu.

Pilihan Kampung Duku sebagai kampung kajian adalah berdasarkan kampung tersebut mempunyai kelainan dari kampung-kampung di wilayah-wilayah Melayu di Selatan Thailand. Di Kampung Duku terdapat 2 institusi dalam masyarakat Melayu iaitu sebuah sekolah pondok yang melambangkan institusi agama Islam dan sebuah tapak kota raja daerah yang melambangkan institusi raja. Dengan kajian terhadap kesan-kesan dari dasar Siamisasi di Kampung Duku dapatlah menggambarkan kesan-kesan dari dasar tersebut di keseluruhan Selatan Thailand. Setelah kerajaan Thailand menjalankan dasar Siamisasi, terdapat kesan-kesan perubahan di kalangan penduduk Kampung Duku di segi sosial, politik, pendidikan, bahasa, pemikiran dan kesenian budaya .

Di bidang pentadbiran pemerintahan itu setelah negeri Melayu Patani jatuh ke tangan Siam pada zaman Raja Rama I. Pihak Siam telah menjalankan Dasar "*Pecah dan Perintah*" atau "*Divide and Rule*" sehingga negeri Melayu Patani dipecahkan kepada 7 negeri kecil pada zaman Raja Rama II. Negeri-negeri kecil Melayu Patani itu berada di bawah pemerintahan tribulari. Walaupun pihak Siam hanya mewajibkan negeri-negeri tersebut menghantar ufti atau bunga emas sebanyak 3 tahun sekali, tetapi mereka tidak mengganggu urusan pentadbiran raja-raja Melayu itu. Kemudian dalam tahun 1901 Raja Rama V telah menghapuskan kekuasaan raja-raja Melayu dan mengubah struktur pentadbiran di mana jawatan "*Dato'-Dato'*" dimansuhkan dan digantikan dengan jawatan "*Nai Amphoe*" sebagai pegawai daerah dan jawatan "*Penghulu-Penghulu*" dimansuhkan dan digantikan dengan jawatan "*Phu Yai Ban*" sebagai ketua kampung. Secara langsung ia telah menggugat kedudukan dan peranan raja daerah yang bertapak di pinggir Kampung Duku. Selain dari

itu turut berlaku pindah-memindah kawasan pentadbiran yang secara langsung Kampung Duku terlibat dalam dasar tersebut. Pada peringkat awal Kampung Duku terletak dalam pentadbiran raja negeri Sai kemudian disebut wilayah Sai. Setelah mansuhnya wilayah Sai dan diturunkan taraf menjadi daerah Sai, ia diserapkan ke dalam wilayah Pattani. Sebaliknya daerah Champaka kemudian ditukarkan menjadi Bachok yang Kampung Duku terletak dalam daerah itu telah diserapkan ke dalam wilayah Bangnara kemudian ditukarkan menjadi Narathiwat. Di peringkat kampung sendiri juga turut terlibat dari Dasar "Pemecah dan Perintah" iaitu Kampung Duku telah dipecahkan kepada 2 bahagian. Dengan sebahagiannya termasuk dalam pentadbiran Kampung atau Mu 2 dan sebahagian lagi termasuk dalam pentadbiran Kampung atau Mu 3. Kemudian pentadbiran Kampung atau Mu 2 dipecahkan menjadi 2 pentadbiran Kampung atau Mu iaitu Mu 2 dan 5. Dengan itu sebahagian Kampung Duku masih terletak dalam pentadbiran Kampung atau Mu 2, sebaliknya sebahagian lagi diserapkan ke dalam pentadbiran atau Mu 5. Begitu juga dengan pentadbiran Kampung atau Mu 3 yang telah dipecahkan kepada 2 pentadbiran Kampung atau Mu iaitu Mu 3 dan 7. Dengan sebahagian dari Kampung Duku masih terletak dalam pentadbiran Kampung atau Mu 3 dan sebahagian lagi dijadikan pentadbiran Kampung atau Mu 7. Dengan itu terbukti pihak kerajaan telah berjaya memecah dan memerintah penduduk masyarakat Melayu sehingga melahirkan 4 kawasan pentadbiran kampung dan telah melahirkan perasaan kekampungan dan menggugat kekitaan di antara penduduk Kampung Duku yang mempunyai berlainan ketua kampung.

Dari segi sosial, setelah kerajaan menjalankan dasar Siamisasi melalui

pemindahan penduduk. Dengan jumlah penduduk Melayu pada tahun 1906 mempunyai peratus sebanyak 85.98 % berbanding dengan penduduk keturunan Thai sebanyak 14.02 %. Beberapa dekad kemudian kesan dari dasar tersebut menyebabkan jumlah penduduk Melayu merosot kepada 75.52 % berbanding dengan jumlah penduduk keturunan Thai yang melambung peratusnya menjadi 24.48 %. Kesan dari kepadatan penduduk keturunan Thai di sekitar Daerah Bachok lahirlah sebuah kuil Buddha di Kampung Duku yang keseluruhan penduduknya adalah penduduk Melayu. Berdasarkan hubungan di antara kedua-dua keturunan ini telah melahirkan perkahwinan campur di antara mereka sehingga wujudnya satu ras baru yang dinamakan "*Malayo-Siamese*". Terdapat sesetengah dari mereka berbangga dengan perkahwinan campur itu.

Dasar Siamisasi terhadap pendidikan, pihak kerajaan Thailand telah menubuhkan sebuah sekolah rendah di Kampung Duku untuk mendidik anak-anak penduduk Kampung Duku supaya menerima budaya pendidikan Thailand. Kerajaan juga telah berjaya mengubah status sebuah institusi pendidikan agama di Kampung Duku dari sebuah institusi yang dapat melahirkan elit-elit agama dalam masyarakat kepada sebuah sekolah agama swasta yang menjalankan pengajian mengikut kurikulum yang disusun oleh kerajaan. Dengan itu kerajaan telah berjaya menguasai pentadbiran dan pengurusan di sekolah tersebut. Dari pendidikan di sekolah rendah dan sekolah agama swasta di Kampung Duku serta peranan media massa, kerajaan Thailand telah berjaya mengubah pertuturan bahasa Melayu tempatan dengan pertuturan mereka telah diselitkan dengan kata-kata dalam bahasa Thai. Dari kesan pendidikan tersebut menyebabkan mereka telah menerima panggilan dari "*Melayu*" kepada "*Thai - Muslim*".

Pendidikan kerajaan juga telah mengelirukan remaja tentang usul asal mereka. Terdapat sebahagian dari mereka mengatakan usul asalnya sama seperti penduduk keturunan Thai. Penggunaan bahasa Melayu dalam pembacaan dan penulisan baik tulisan Jawi maupun Rumi adalah amat merosot. Bagi penggunaan bahasa Melayu itu penduduk Melayu lebih minat dalam tulisan Jawi, ia secara langsung menjayakan dasar Siamisasi itu dengan terasingnya penduduk Melayu di Kampung Duku dari berkomunikasi dan berhubung dengan penduduk-penduduk Melayu di negara-negara rumpun Melayu.

Kesan dari dasar Siamisasi terhadap kesenian budaya dan makanan. Pihak kerajaan juga telah berjaya menerapkan beberapa kesenian budaya Thai ke dalam masyarakat Melayu seperti persembahan Menora, wayang orang, watak orang Thai dalam wayang kulit Melayu, permainan kanak-kanak dan tinju Siam. Mereka juga berjaya melemahkan masyarakat Melayu dari menjaga dan menghidupkan kesenian budaya yang semakin cenderung kepada kepupusan seperti sandiwara, pantun, syair, sajak, penulisan buku-buku dalam bahasa Melayu. Kesenian budaya tersebut tidak lagi mendapat tempat di kalangan berpendidikan kurikulum kerajaan Thailand. Beberapa makanan Thai juga telah mendapat tempat di kalangan masyarakat Melayu seperti tom yam, som tam dan lain lain lagi.

Walaupun penduduk Kampung Duku masih mempunyai jatidiri Melayu tidak seperti beberapa kampung di Selatan Thailand yang telah menerima ras Thai sebagai rasnya, tetapi mereka masih mempunyai pemikiran dan kepekaan yang sempit mengenai Dunia Melayu. Dasar Siamisasi yang amat berkesan itu kemungkinan suatu hari nanti akan menyebabkan penduduk Melayu di Selatan

Thailand amnya dan Kampung Duku khususnya akan terputus dari Dunia Melayu. Jika tiada usaha-usaha untuk mengembalikan penduduk Melayu di bekas negeri Melayu Patani itu kepada Dunia Melayunya .